

Siar kartun hina Nabi ingkar pesanan PM

um-24/2/2006

Tindakan tegas perlu dikenakan ke atas mana-mana individu atau kumpulan yang cuba menyemarakkan perasaan menghina Nabi Muhammad

MUHAMAD MUHD. TAIB
Ketua Penerangan UMNO

KUALA LUMPUR 23 Feb. - UMNO menyifatkan tindakan beberapa akhbar dan individu menyiarkan karikatur menghina Nabi Muhammad s.a.w. sebagai mengingkari pesanan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya tidak melakukan sesuatu yang boleh mengguris perasaan umat Islam negara ini.

Ketua Penerangannya, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, sikap kelompok berkenaan bukan sahaja cuba menguji ketegasan Perdana Menteri tetapi juga menunjukkan mereka sebenarnya tidak ambil peduli perasaan umat Islam.

Sehubungan itu, kata beliau, tindakan tegas perlu dikenakan ke atas mana-mana individu atau kumpulan yang cuba menyemarakkan perasaan menghina Nabi Muhammad.

"Tindakan yang sama juga harus dikenakan jika terdapat sentimen seperti menghina nabi-nabi, rumah ibadat dan amalan beragama Islam menerusi penulisan atau tingkah laku yang boleh mengguris perasaan umat Islam," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Muhammad memberitahu, tindakan tegas perlu dikenakan supaya sikap mereka tidak

menyemarak menjadi gelombang perasaan yang menggugat perpaduan antara kaum di negara ini.

Sementara itu Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, editor akhbar *The New Straits Times* (NST) patut digantung kerana menyiarkan dua kali kartun yang berkaitan dengan kontroversi karikatur menghina Nabi Muhammad s.a.w.

Bekas Perdana Menteri menegaskan penyiaran kartun tersebut sewaktu dunia masih hangat memperkatakan tentang karikatur menghina Rasullullah, jelas menunjukkan editor terbabit tidak sensitif terhadap isu yang menyentuh sentimen umat Islam.

"Saya fikir patutlah editor NST digantung dua tiga bulan kalau pun tak gantung (permit akhbar) NST sendiri. Editor patut digantung kerana nampak dia tak faham perasaan orang Islam.

"Mereka sangat tidak sensitif kerana mereka mengetahui tentangnya. Ia bukan sesuatu yang timbul tiba-tiba. Kita tahu benda ini sensitif, kenapa hendak siarkan?"

"Ia menunjukkan yang (editor) kurang memahami sentimen umat Islam," katanya kepada pemberita di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.


Dr. Mahathir berkata, tindakan tegas ke



MUHAMMAD MUHD. TAIB

atas NST membuktikan yang kerajaan tidak membezakan antara akhbar yang menyokong kerajaan 100 peratus dengan yang neutral.

Dr. Mahathir turut kesal dengan tindakan akhbar itu menyiarkan semula kartun terbabit bersama-sama artikel yang seolah-



DR. MAHATHIR MOHAMAD

olah menyoal orang ramai "apa sangat benda ini, tak ada apapun".

Bagi beliau, tindakan menyiarkan semula kartun itu membuktikan yang editor berkenaan benar-benar tidak memahami isu tersebut.